



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
30 OKTOBER 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Berita Harian

- Lembah Klang alami gangguan bekalan air 23 jam

52



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 30 OKTOBER 2019 (RABU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Lembah Klang alami gangguan bekalan air 23 jam
Muka Surat	52

Lembah Klang alami gangguan bekalan air 23 jam

BH 30/10/19 ml 52

Kuala Lumpur: Sebanyak 120 kawasan di wilayah Gombak dan 57 kawasan di ibu negara bakal mengalami gangguan bekalan air sementara selama selama 23 jam, bermula esok hingga Jumaat.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengu- rusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad, berkata gangguan itu berikutan pelaksanaan kerja penggantian injap.

"Gangguan bekalan air mem- babitkan 119,630 akaun pelanggan berdaftar akan bermula jam 9 ma- lam Khamis (esok) dan dijangka pulih sepenuhnya jam 8 malam keesokannya.

"Pelaksanaan kerja ini di sebab- kan kawasan Kolum Air Kepong Estate mengalami kebocoran se- rius. Kerja penambahbaikan itu perlu dilaksanakan segera bagi mengelak insiden luar jangka yang boleh menjejaskan bekalan


air kepada pelanggan pada masa hadapan.

"Orang ramai dinasihatkan me- nyimpan bekalan air secukupnya bagi kegunaan sepanjang tempoh gangguan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, di sini se- malam.

Beliau berkata, Air Selangor akan menggerakkan bantuan lori tangki air dengan keutamaan bagi pelanggan di premis kritikal dan kecemasan.

Maklumat lanjut dan status ter- kini boleh didapati dengan meng- hubungi Pusat Perhubungan Pe- langgan Air Selangor di talian 15300 atau melalui aplikasi te- lefon bimbit Air Selangor atau laman sesawang www.airselangor.com.

Orang ramai juga boleh meng- hantar pesanan bagi kes kecema- san dan kritikal melalui aplikasi WhatsApp ke 019-2816793 atau 019-2800919.



Abdul Raof Ahmad